

PM akan lancar tabung kebajikan Kolej Tunku Kurshiah

54 2 6 JUL 2001

SEREMBAN, Jumaat – Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan Tabung Kebajikan Pelajar Kolej Tunku Kurshiah (KTK) pada majlis jamuan malam di Hotel Hilton Seremban di sini Ahad ini.

Pengetua kolej itu Rokiah Alias hari ini, berkata isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan isteri Datin Sri Hazizah Tunin juga dijadualkan hadir.

Katanya pada majlis itu Perdana Menteri akan menerima cek sumbangan penderma untuk Tabung Kebajikan Pelajar KTK manakala Dr Siti Hasmah selaku Penaung Kehormat Pancaragam KTK akan menerima cek sumbangan penderma untuk Tabung Pancaragam KTK.

Beliau berkata, majlis itu akan diserikan dengan persembahan Orkestra KTK dan artis jemputan.

Rokiah berkata, penubuhan tabung itu adalah projek usaha sama antara Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan kolej itu bagi memperolehi sejumlah dana untuk satu jangka masa panjang.

Katanya, dana itu akan dijadikan pemangkin kepada kecemerlangan berterusan pelajar dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.

Selain pemantapan berterusan kegiatan kurikulum, kolej itu juga memberi imej baru kepada kecemerlangan di bidang kokurikulum dengan penubuhan pasukan Orkestra KTK bertujuan antara lain mengembangkan bakat pelajar serta membuat persembahan untuk acara kolej dan luar kolej.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam kata-kata aluannya pada buku cenderamata sempena majlis pelancaran tabung itu berkata tabung itu diharap dapat menjaga kebajikan pelajar terutama yang kurang berkemampuan.

Katanya tabung itu juga diharap dapat digunakan untuk sebarang program yang dapat meningkatkan kecemerlangan pelajar dalam bidang akademik dan kegiatan kokurikulum.